

ISU RAMAI AMAH ASING SAKIT MENTAL



FOMEMA bersedia menyaring pekerja asing yang memohon masuk ke negara ini.

95 peratus PATI berdaftar belum saring kesihatan

→ FOMEMA

bimbang pendatang bawa pelbagai penyakit berbahaya

Oleh Wan Noor Hayati
Wan Alias

wanti@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur

Kira-kira 95 peratus pendatang asing tanpa izin (PATI) yang berdaftar menerusi Program Rehiring Jabatan Imigresen, didakwa belum menjalani pemeriksaan saringan kesihatan terhadap sembilan penyakit berbahaya, termasuk mental.

Sehingga 30 Jun lalu, jumlah PATI berdaftar dengan Jabatan Imigresen adalah 150,000 orang, namun hanya

8,267 yang hadir menjalani saringan kesihatan oleh Agensi Pemantauan dan Pemeriksaan Perubatan Pekerja Asing (FOMEMA).

Daripada jumlah itu, lebih lima peratus daripada mereka gagal dalam saringan kesihatan fizikal dan mental FOMEMA.

Pengarah FOMEMA, Datuk Mohd Hatar Ismail, berkata pihaknya bimbang warga asing yang gagal saringan dan belum tampil menjalani pemeriksaan itu masih berada di negara ini dan kemungkinan membawa pelbagai penyakit berbahaya.

Katanya, susulan pembekuan pengambilan pekerja asing baharu, Program Rehiring seharusnya dibuat bagi memastikan PATI disahkan sihat fizikal dan mental melalui saringan FOMEMA, sebelum diambil bekerja oleh majikan.

"Kami bimbang peratusan besar yang belum disaring itu membawa penyakit berjangkit dalam kalangan pekerja asing lain dan orang awam atau masalah mental yang boleh menimbulkan kemudaratan kepada orang lain.

Permit kerja tak akan dikeluarkan

"Mereka yang gagal saringan tidak akan dikeluarkan permit kerja oleh JIM, namun ada majikan yang lepas

tangan dan gagal memastikan mereka ini dihantar pulang ke negara asal.

"Ini adalah antara faktor menyebabkan warga asing berkenaan terus hidup sebagai pendatang tanpa izin (PATI) dalam negara ini dan bekerja secara tidak sah," katanya kepada BH.

Mohd Hatar berkata, setiap bulan FOMEMA menghantar butiran pekerja asing yang gagal dalam saringan kesihatan, maklumat peribadi dan alamat majikan mereka kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan JIM untuk tindakan penguatkuasaan.

"Ada kes penyakit berjangkit dalam kalangan PATI, dikesan menjangkiti pekerja asing yang sah apabila bercampur dalam bilik tertutup atau di tempat awam melalui batuk dan lain-lain.

"Beberapa jenis penyakit seperti HIV dan malaria mempunyai tempoh senyap (incubation period), penyakit mental pula mungkin tidak dapat dikesan ketika pemeriksaan kali pertama dibuat, namun ada yang menunjukkan tekanan mental untuk pemeriksaan ulangan pada tahun seterusnya," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, ada juga segelintir majikan yang masih ingin menyimpan pekerja asing mereka walaupun mereka diketahui membawa penyakit berbahaya seperti batuk kering, Hepatitis-B dan HIV/Aids.

"Ia mungkin ada kaitan dengan kenaikan kos membawa masuk pekerja asing perlu dibayar majikan. Contohnya mengambil pembantu rumah yang mencecah hingga RM15,000 ke RM18,000 seorang, justeru majikan akan sedaya upaya mengekalkan pekerja asing mereka se-lagi boleh," katanya.



Keratan akhbar BH semalam.